

GARIS PANDUAN PENYERTAAN PERTANDINGAN PROJEK *QUALITY ASSURANCE* JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH 2025

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua PTJ/ Bahagian/ Institusi Latihan KKM di Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) mengenai syarat penyertaan, kriteria penilaian serta format laporan Pertandingan Projek *Quality Assurance* (QA) JKN Sabah.

2. OBJEKTIF PERTANDINGAN PROJEK *QUALITY ASSURANCE*

Objektif Anugerah Projek QA adalah untuk:

- 2.1** Memberi pengiktirafan kepada projek QA yang diperkenalkan oleh warga JKNS.
- 2.2** Memupuk dan menyemarakkan pendekatan berpasukan dalam menyelesaikan masalah dan meningkatkan kualiti.
- 2.3** Memperkenal dan menyebarkan hasil-hasil projek QA yang boleh dicontohi untuk faedah bersama.
- 2.4** Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

3. KATEGORI-KATEGORI PERTANDINGAN PROJEK *QUALITY ASSURANCE* JKNS

Satu projek QA hanya boleh memilih untuk bertanding di dalam satu kategori sahaja sama ada:

- 3.1 PENYERTAAN & PEMBENTANGAN LISAN (ORAL);** atau
- 3.2 PENYERTAAN & PEMBENTANGAN POSTER**

4. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

4.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua PTJ/ Bahagian di Jabatan Kesihatan Negeri Sabah.

4.2 Sesebuah projek boleh menyertai pertandingan ini jika memenuhi **semua** kriteria berikut:

- a) Ia adalah projek peningkatan kualiti yang terhad kepada projek-projek yang melibatkan *Quality Assurance / Quality Improvement*.
- b) Projek penambahbaikan kualiti yang lengkap (selesai dijalankan/ dilaksanakan) yang:
 - **Belum pernah dipersembahkan** di mana-mana konvensyen / seminar sama ada di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa.
 - **Tidak pernah menjuarai** mana-mana pertandingan di peringkat setaraf atau lebih tinggi seperti di Kementerian atau mana-mana anugerah dari anugerah dari agensi luar sama ada dalam negara mahupun luar negara pada tahun-tahun yang lepas.

4.3 Projek QA yang telah dipertandingkan sebelum tahun semasa boleh dipertimbangkan penyertaannya tertakluk kepada syarat 4.2.b

4.4 Pihak penganjur berhak menerima dan menolak penyertaan yang tidak mengikut syarat- syarat yang telah ditetapkan.

4.5 Pihak penganjur berhak menukar kategori penyertaan projek QA ke kategori yang sewajarnya. Sebarang pertukaran kategori akan dimaklumkan kepada pemohon.

4.6 Bahan projek (abstrak, laporan, poster/ slaid pembentangan) boleh disediakan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

4.7 Abstrak, poster dan *write-up* yang dihantar untuk penyertaan konvensyen ini akan menjadi hakmilik pihak penganjur dan boleh digunakan untuk tujuan latihan atau perkongsian dalam mana-mana *platform*. Penghantaran projek untuk penyertaan dalam konvensyen ini bermaksud semua penulis bersetuju dengan syarat ini.

5. LANGKAH-LANGKAH PENCALONAN PROJEK

5.1 Tarikh tutup penghantaran borang penyertaan berserta abstrak bagi kedua-dua kategori pembentangan lisan dan poster adalah **pada atau sebelum 15 Ogos 2025**.

5.2 Laporan projek lengkap (soft copy) hendaklah dikemukakan melalui e-mel kepada urus setia **sebelum atau pada 15 September 2025**.

5.3 Laporan projek bercetak (hard copy) sebanyak **tiga (3) salinan** mesti dihantar dan diterima oleh pihak urus setia **sebelum atau pada 29 September 2025**.

6. KRITERIA PEMARKAHAN DAN PEMBAHAGIAN MARKAH

Kriteria penilaian adalah mengikut elemen-elemen seperti dalam **Lampiran 3b**.

7. PROSES PENILAIAN DAN PEMILIHAN PENERIMA ANUGERAH

Proses penilaian dan pemilihan dibuat melalui tiga peringkat seperti berikut:

7.1 Peringkat pertama: Tapisan oleh urus setia

Semua permohonan yang diterima akan dibuat tapisan di peringkat urus setia untuk memastikan permohonan memenuhi syarat-syarat penyertaan dan tatacara permohonan

7.2 Peringkat kedua (mengikut keperluan): Penilaian projek QA yang disenarai pendek berasaskan pembentangan lisan dan pembentangan poster

Melibatkan kedua-dua kategori pembentangan lisan dan pembentangan poster. Penilaian akan dilaksanakan secara atas talian bagi menyenarai pendekkan projek yang layak ke peringkat seterusnya.

7.3 Peringkat ketiga: Sesi Penilaian Projek QA semasa Konvensyen Kualiti JKN Sabah (keputusan muktamad panel penilai)

7.3.1 Bagi kategori pembentangan lisan:

a. Pembentangan adalah mengikut giliran yang telah ditetapkan. **Masa pembentangan adalah 15 minit dan diikuti 5 minit sesi soal jawab.**


b. Pembentangan melebihi had masa tidak akan diambil kira dalam pemarkahan. Kriteria penghakiman adalah seperti dalam Lampiran 3b.

c. Keputusan hakim adalah muktamad.

7.3.2 Bagi kategori **pembentangan poster**:

a. Poster hendaklah disediakan dalam bentuk fizikal (*hard copy*) seperti rajah di bawah:

b.



c. Poster perlu disediakan di atas satu halaman dalam portrait layout dengan saiz A0 (1189mm tinggi x 841mm lebar) dan font Arial sahaja.

d. Saiz huruf minimum yang dicadangkan ialah saiz 8.

e. Isi kandungan poster perlu mengikut Kriteria Pemarkahan seperti pada Lampiran 3b.

f. Gunakan ilustrasi yang ringkas. Dekorasi/ gubahan (contoh – riben, bunga, lampu neon) dan bantuan alat audio visual adalah tidak dibenarkan.

g. Pembentang diberikan masa **7 minit untuk membentang** dan **3 minit masa tambahan untuk sesi soal jawab** bersama para hakim. Sila berlatih dan pastikan pembentangan tidak melebihi 10 minit. Para hakim tidak akan mengambil kira jika melebihi masa yang ditetapkan.

h. Keputusan hakim adalah muktamad.

8. TARIKH TUTUP

Butiran tarikh tutup penghantaran dokumen dan urus setia Pertandingan Inovasi JKN Sabah adalah seperti yang berikut:

Borang Penyertaan dan Abstrak (*soft copy*)

Hantar sebelum atau pada **15 Ogos 2025** ke e-mel
qajknsabah@moh.gov.my

Laporan Penuh / *Write-up* (*soft copy*) dan Poster (pdf) bagi kategori pembentangan poster

Hantar sebelum atau pada **15 September 2025** ke e-mel
qajknsabah@moh.gov.my

Laporan Penuh (3 salinan *hard copy*)

Hantar ke alamat berikut sebelum atau pada **29 September 2025**:

Urus Setia Pertandingan QA JKN Sabah,
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 9, Wisma San Hin,
Wawasan Plaza,
88000 Kota Kinabalu, Sabah
(u.p.: Dr. Roddy Teo / Dr. Easwary HR)

Butiran Urus Setia

Dr. Roddy Teo

E-mel : arteo@moh.gov.my

No. Tel.: 088-247105

Dr. Easwary HR

E-mel : easwary@moh.gov.my

No. Tel. : 088-247105